



**2021-2025**

# PELTIRASUJAH

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



## **PASUKAN EDITORIAL**

### **Penasihat:**

YBhg. Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah

### **Penyelaras:**

Puan Aida Rahila binti Rusmahini

Puan Siti Hamira binti Mohd Noh

Encik Mustafa Kamal bin Bahar

### **Jawatankuasa *Task Force*:**

Puan Norizah binti Mansor

Encik Mohammad Zawawi bin Hussin

Cik Azearahah binti Mat Jusoh

Puan Nurul Ain binti Mohd Taib

### **Pereka:**

Mohd Saiful Azuan Bin Mukhtar

Mohamed Iszudin Bin Ishnin

Hakim Bin Ahmad

(Cahaya Munawwarah Enterprise)


# PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan Pelan Antirasuah KKM 2021-2025 kerana KKM amat memandang serius risiko rasuah dan komited terhadap usaha pengukuhan integriti dalam kalangan warga KKM. Langkah ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 ini menjadi asas agenda integriti organisasi untuk memperkukuhkan integriti dan identiti KKM sebagai organisasi yang berkesan, terutama dalam memberi khidmat penjagaan kesihatan ke seluruh negara. Strategi dan inisiatif dalam Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 ini telah diperhalusi sebaik mungkin untuk mencapai matlamatnya. Pengukuran keberkesanan pelan ini akan dilakukan untuk menentukan peningkatan usaha menyebarkan gaya kerja berintegriti dan amalan antirasuah dalam kalangan warga KKM.

Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 ini adalah *living document* yang boleh ditambah baik bagi memastikan pencapaian matlamat yang optimum dan berkesan. Penambahbaikan juga adalah selaras dengan matlamat KKM untuk mencapai "Toleransi Sifar Terhadap Rasuah" dalam kalangan warga kementerian. Tanpa rasuah, penyampaian perkhidmatan KKM pastinya meningkat daripada sudut kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti.





Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025. Marilah kita seluruh warga KKM terus bersama-sama memberi komitmen tinggi dalam melaksanakan inisiatif memerangi rasuah di KKM dengan membudayakan integriti dalam menjalankan tugas kepada rakyat dan negara tercinta. Jika kita memulakannya sekarang, ia akan menjadi amalan mulia dan seterusnya berkembang luas menjadi budaya generasi akan datang sehingga tanah air kita bebas rasuah dan Malaysia terus berintegriti tinggi.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba**  
**Menteri Kesihatan Malaysia**

# PENYATAAN KOMITMEN KETUA SETIAUSAHA

Strategi 2 : Pelan Antirasuah Nasional (National Anti - Corruption Plan – NACP) 2019-2023 mewajibkan sektor awam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan – OACP) masing-masing dengan tujuan memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Justeru, Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 merupakan satu garis panduan antirasuah yang mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memerangi dan membanteras aktiviti-aktiviti serta gejala berkaitan rasuah dalam penyampaian kesihatan di Kementerian ini.

KKM menyambut baik usaha murni ini dan komited untuk memberikan sepenuh perhatian dalam memastikan pelaksanaan serta pematuhan Pelan Antirasuah ini adalah pada tahap yang memuaskan. Saya selaku Pegawai Pengawal akan sentiasa menyemak semua proses dan prosedur berkaitan supaya wujud semak dan imbang.

KKM akan memastikan strategi dan inisiatif Pelan Antirasuah ini dilaksanakan dengan jayanya bagi mencapai misi serta objektif yang telah ditetapkan yakni "Toleransi Sifar Terhadap Rasuah".

**YBhg. Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**



# PENYATAAN KOMITMEN KETUA PENGARAH KESIHATAN

Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuklah daripada Sektor Perubatan yang merangkumi enam (6) program utama iaitu Perubatan, Kesihatan Awam, Kesihatan Pergigian, Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, Perkhidmatan Farmasi serta Keselamatan dan Kualiti Makanan akan memberikan sepenuh kerjasama kepada pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah Kementerian Kesihatan Malaysia 2021-2025 bagi memastikan matlamat dan strategi yang telah dirancang dapat dicapai.

Kerjasama antara sektor teknikal dan pengurusan amat penting bagi memastikan penyampaian kesihatan yang berintegriti dan lebih baik dapat diberikan oleh warga KKM kepada rakyat dan jaminan perkhidmatan yang berkualiti dapat diperolehi.



Saya dan seluruh warga perubatan KKM khasnya tidak akan berbelah bahagi dalam membudayakan integriti dalam tugas harian dan bersama-sama membanteras gejala dan potensi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**





# ISI KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN MENTERI KESIHATAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENYATAAN KOMITMEN KETUA SETIAUSAHA</b>	<b>iv</b>
<b>PENYATAAN KOMITMEN KETUA PENGARAH KESIHATAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RINGKASAN</b>	<b>x</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
SEJARAH	2
OBJEKTIF	4
VISI	4
MISI	4
LOGO KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	5
BUDAYA KORPORAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	6
USAHA PENGUKUHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DI KKM	7
KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	8

# ISI KANDUNGAN

## BAB 2 ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN PENCEGAHAN RASUAH DI KKM	10
LAPORAN TAHAP RASUAH PERKHIDMATAN AWAM	11
STATISTIK TOHMAHAN TERHADAP KKM	12
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	14
STATISTIK ADUAN INTEGRITI	16
STATISTIK KES TATATERTIB	18

## BAB 3 MEMPERKASA USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	20
BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN	23
BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN	26
BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN	30
BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS KORPORAT	31

## BAB 4 TADBIR URUS

STRUKTUR PENTADBIRAN ANTIRASUAH KKM	34
MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	35

## BAB 5 KESIMPULAN

## PENGHARGAAN

# SENARAI RINGKASAN

ABMS	Anti-Bribery Management System.
CeIO	Certified Integrity Officer (Pegawai Integriti Bertauliah).
CRM	Clinical Research Malaysia.
FEMS	Facilities Engineering Maintenance Services (Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti).
IBR	Ikrar Bebas Rasuah.
IMR	Institute for Medical Research (Institut Penyelidikan Perubatan).
JAR	Jawatankuasa Antirasuah.
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri.
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah.
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia.
KPW	Kad Perakam Waktu.
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan.
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara.
MHTC	Malaysia Healthcare Travel Council.



# SENARAI RINGKASAN

MMC	Malaysian Medical Council (Majlis Perubatan Malaysia).
NACP	National Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Nasional).
OACP	Organisational Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Organisasi).
PBPP	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.
PHM	ProtectHealth Malaysia.
PHCorp	ProtectHealth Corporation Sdn Bhd.
PSCR	Public Service Corruption Ranking (Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam).
PTJ	Pusat Tanggungjawab
SOP	Standard Operating Procedure (Prosedur Operasi Standard).
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
THB	Tidak Hadir Bertugas.



# BAB 1 PENGENALAN



*"Pelaksanaan program pembangunan berteraskan amalan integriti dan tadbir urus yang baik adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan serta demi menjaga kesejahteraan rakyat negara.*

*Beta menggesa agar kerajaan beta untuk terus komited dalam melaksanakan pelan anti-rasuah nasional. Beta menyeru semua pihak untuk mendukung aspirasi ini agar setiap agenda pembangunan negara tidak terhakis oleh amalan rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa.*

*Tanamkan di dalam minda masyarakat semenjak di bangku sekolah lagi bahawa rasuah adalah jijik, kotor dan wajar diperangi habis-habisan"*

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al- Sultan  
Abdullah Ri'ayatuddin Al- Mustafa Billah Shah  
Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah  
Yang Dipertuan Agong  
(Pembukaan penggal ketiga, Parlimen ke-14  
pada 18 Mei 2020)**





## SEJARAH

Perkhidmatan Kesihatan di Malaysia telah bermula seawal abad ke-19 dengan pembinaan Hospital Yeng Wah Anglo Chinese atau Hospital Taiping pada tahun 1880. Hospital ini dibina untuk merawat pekerja industri perlombongan bijih timah dan caj yang dikenakan pada ketika itu adalah sebanyak 50 sen setahun. Industri perlombongan bijih timah yang berkembang pesat di Negeri Perak, telah menyumbang kepada pembinaan hospital seperti Hospital Teluk Intan, Hospital Tapah, Hospital Sungai Siput, Hospital Slim River, Hospital Kuala Kangsar, Hospital Ipoh dan Hospital Batu Gajah.

Perkhidmatan Kesihatan Keluarga bermula dengan Kesihatan Ibu dan Anak yang merupakan teras bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar. Tumpuan awal perkhidmatan kesihatan keluarga ini adalah kepada penduduk luar bandar. Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak bermula sebagai program yang *vertical* seperti perkhidmatan kesihatan sekolah, perancang keluarga dan penyakit bawaan vektor. Perkhidmatan Kesihatan Keluarga telah diintegrasikan sebagai satu pakej perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan disampaikan pada peringkat penjagaan kesihatan primer.

Pada awal tahun 1900 berlakunya trend penyakit berjangkit seperti malaria dan beri-beri di negara ini. Situasi ini mendorong kepada penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan (Institute for Medical Research- IMR) yang diwujudkan untuk membuat kajian mengenai penyakit berjangkit dan kaedah mengawal jangkitan serta mengurangkan kes malnutrisi.

Sejarah perkhidmatan kesihatan terus berkembang dengan penubuhan Klinik Pergigian Kerajaan yang pertama pada tahun 1929 di Jalan Silang, Kuala Lumpur. Pada tahun 1947, Kolej Latihan Jururawat Pergigian telah ditubuhkan di Pulau Pinang untuk melatih Jururawat, Juruteknologi Pergigian dan Pembantu

Pembedahan Pergigian. Pada tahun 1956, Kolej ini telah berkembang dengan penambahan kurikulum baru iaitu Latihan Asas, Latihan Pos Basik iaitu Kursus Paediatrik, Kursus Kebidanan, Kursus Perawatan Rapi, Kursus Koronari dan Kursus Perioperatif.

Sejarah Perkhidmatan Farmasi di Malaysia bermula pada tahun 1951 dengan berkuatkuasanya Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Fungsi utama Perkhidmatan Farmasi adalah bagi tujuan perolehan, penyimpanan dan pengedaran ubat-ubatan dari United Kingdom. Makmal Ubat dan Stor telah dibina di Petaling Jaya pada tahun 1969. Pembinaan makmal ini merupakan mercu tanda kepada perkembangan peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan kejayaan dalam membekalkan sumber ubat yang murah, kos efektif dan berkualiti tinggi untuk KKM.

Pada tahun 1974, Unit Kawalan Mutu Makanan ditubuhkan bagi menguatkuasakan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 yang melindungi orang awam dari bahaya kesihatan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penyimpanan makanan. Unit Kawalan Mutu Makanan telah dinaiktaraf ke Bahagian Kawalan Mutu Makanan pada tahun 1993. Pada September 2004, Bahagian Kawalan Mutu Makanan telah dijenamakan semula kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. Pada 1 Julai 2010, bahagian ini dinaiktaraf kepada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan.

Kementerian Kesihatan juga turut memainkan peranan dalam pemulihan isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditempatkan di bawah Kementerian Kesihatan dalam dua (2) tempoh yang berasingan iaitu dari tahun 1956 hingga 1957 dan 1960 hingga 1962. Semasa tempoh penggabungan tersebut, Kementerian dikenali sebagai Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat. Namun bermula dari tahun 1963, nama Kementerian telah ditukarkan semula kepada nama asal iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia.

KKM terus berkembang dengan penambahan fasiliti kesihatan pada setiap tahun serta menjadi rujukan negara jiran dalam pelbagai bidang perubatan. Sejarar dengan perubahan corak kesihatan persekitaran serta pembangunan dan liberalisasi teknologi kesihatan global, fokus KKM menjadi lebih luas terutamanya dalam menyediakan kemudahan kesihatan yang saksama, mudah diperolehi dan berkualiti.

## OBJEKTIF

Membantu individu mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik.

## VISI

Negara menggembelng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

## MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama memudahkan dan membolehkan rakyat:

- i. Mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan.**
- ii. Menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga.**
- iii. Mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka.**

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi:

- i. Mengutamakan pelanggan.**
- ii. Saksama.**
- iii. Tidak membebankan.**
- iv. Cekap.**
- v. Wajar mengikut teknologi.**
- vi. Boleh disesuaikan mengikut persekitaran.**
- vii. Inovatif .**

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama menekankan nilai iaitu:

- i. Sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan.**
- ii. Sifat menghormati maruah insan.**
- iii. Penglibatan masyarakat.**



# LOGO KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



<p><b>Latar Belakang Putih</b></p>	<p>Melambangkan kebersihan, keikhlasan dan kesungguhan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia semasa menjalankan tugas.</p>
<p><b>Hati Berwarna Merah</b></p>	<p>Melambangkan semangat dan komitmen anggota Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.</p>
<p><b>Tangan</b></p>	<p>Melambangkan keikhlasan dan kesediaan untuk membantu.</p>
<p><b>Sentuhan Di Hati</b></p>	<p>Melambangkan kelembutan, kemesraan dan keprihatinan semasa menjalankan tugas.</p> <p><b>Kami</b> Semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang sama.</p> <hr/> <p><b>Sedia</b> Sentiasa bersiap sedia untuk memberi perkhidmatan secara profesional.</p> <hr/> <p><b>Membantu</b> Ikhlas semasa memberi bantuan dan menjalankan tugas.</p>

*“Kami Sedia Membantu”*



# BUDAYA KORPORAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## NILAI-NILAI TERAS

**Penyayang** Kami komited untuk menerima pelanggan dengan sikap ramah mesra dan penuh perhatian. Kami bersedia memberi layanan dengan bersopan santun, responsif dan menghormati hak individu. Kami bertanggungjawab memberi perkhidmatan yang mesra pelanggan.

**Profesionalisme** Kami komited untuk memberi perkhidmatan yang terbaik merangkumi etika dan taraf kerja yang dikehendaki serta prinsip anggota yang bertanggungjawab. Kami percaya dalam memberikan perkhidmatan cemerlang dan sentiasa bersedia memenuhi harapan masyarakat.

**Kerja Berpasukan** Kami komited untuk bekerja sebagai satu pasukan dengan harmoni bagi mencapai matlamat yang sama.

## JANJI KAMI

### KAMI SEDIA MEMBANTU

**Kami komited terhadap keperluan anda**

Memastikan perkhidmatan yang adil, mesra, rasa hormat dan prihatin.

**Kami melaksanakan apa yang dirancang**

Menjanjikan anda tahap profesionalisme yang tertinggi dalam segala urusan penyampaian perkhidmatan.

**Kami berdedikasi terhadap tugas**

Bekerjasama untuk mengukuhkan produktiviti dan meningkatkan kecekapan.


# KOMITMEN KAMI

**Kami komited** memberikan perkhidmatan kepada setiap pesakit dengan penuh rasa kemesraan, kejujuran dan keikhlasan.

**Kami komited** memberikan perkhidmatan yang efektif dengan bersikap profesional, tekun, mudah didekati dan bersopan santun.

**Kami komited** bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa efisien, efektif dan produktif.

## USAHA PENGUKUHAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DI KKM



# KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pelan ini merupakan satu dokumen rujukan kepada isu, permasalahan dan pelan tindakan berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah selaras dengan Inisiatif 2.1.5. Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan - NACP*) di bawah Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan - OACP*).

Pembangunan pelan ini bertunjangkan kepada Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia dan piawaian MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System*. Justeru, pembangunan Pelan ini dilihat tepat dalam usaha untuk memerangi isu berkaitan kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah di Kementerian dengan hasrat untuk mencapai “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah”.






# BAB 2 ISU DAN CABARAN

*"Kerajaan pimpinan saya juga akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus kerajaan yang baik. Ini termasuk usaha-usaha untuk membanteras amalan rasuah dan salah guna kuasa dengan meningkatkan penguatkuasaan dan memperkemaskan undang-undang, peraturan dan amalan yang berkaitan."*

**YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin**  
Perdana Menteri  
(Perutusan Khas Perdana Menteri, 2 Mac 2020)

# ISU DAN CABARAN PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA


Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan - NACP) 2019-2023 merupakan dokumen utama yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah di Malaysia. NACP mengenalpasti sebanyak 10 sektor di Malaysia yang cenderung kepada rasuah. Tiga (3) sektor yang paling terdedah kepada rasuah adalah sektor perolehan, penguatkuasaan dan pentadbiran. Perincian lanjut berhubung perkara ini ditunjukkan dalam **Carta 1**.



**Carta 1: Sektor Yang Cenderung Kepada Rasuah.**

Selain itu, NACP turut menyenaraikan sebanyak sembilan (9) punca yang menyebabkan rasuah berlaku di Malaysia. **Carta 2** menunjukkan bahawa kelemahan pentadbiran (36.43%) dan konflik kepentingan (33.12%) merupakan punca tertinggi berlakunya rasuah di Malaysia. Selain itu, rasuah di Malaysia juga berlaku disebabkan kelemahan dalam kawalan dalaman dan ketidakpatuhan.





**Carta 2: Punca Rasuah Di Malaysia.**


KKM merupakan kementerian yang bertanggungjawab terhadap sektor kesihatan di Malaysia secara keseluruhannya. Sehubungan itu, KKM telah dikategorikan sebagai kementerian berisiko tinggi oleh SPRM. Antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh KKM dalam usaha mencegah rasuah di kalangan warganya adalah kelemahan sistem dan prosedur kerja, kelemahan kawalan dalaman dan kelemahan integriti dalam diri warga KKM yang akhirnya menyebabkan wujudnya ruang dan peluang untuk rasuah berlaku di KKM.

## LAPORAN TAHAP RASUAH PERKHIDMATAN AWAM

Berdasarkan Laporan Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam (Public Service Corruption Ranking - PSCR) yang dikeluarkan oleh SPRM, sektor yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada rasuah di KKM adalah sektor pengurusan dan pentadbiran serta sektor kewangan dan perolehan.

# STATISTIK TOHMAHAN TERHADAP KKM


Di antara tahun 2015 sehingga Julai 2020, SPRM telah menerima sebanyak 586 maklumat (tohman) yang melibatkan KKM. Kesalahan melibatkan tuntutan palsu dan salah guna kuasa merupakan kesalahan tertinggi yang dilaporkan kepada SPRM. Perincian lanjut adalah seperti **Carta 3**, **Carta 4** dan **Carta 5**.




**Carta 3: Statistik Tohman Bagi Tahun 2015 Sehingga Julai 2020.**








**Carta 4: Statistik Tohmahan Berdasarkan Kesalahan Rasuah.**



**Carta 5: Statistik Tohmahan Berdasarkan Lokasi.**

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Analisis terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) digunakan dalam penilaian isu dan permasalahan berkaitan pengurusan kewangan termasuk urusan perolehan. **Carta 6** menunjukkan pencapaian Indeks Akauntabiliti KKM bagi tahun 2015 sehingga 2018 pada tahap cemerlang. Sehubungan itu, KKM perlu memastikan pencapaian ini dikekalkan dengan penambahbaikan secara berterusan.



**Carta 6 : Pencapaian Indeks Akauntabiliti KKM Bagi Tahun 2015 hingga 2018.**


Sebanyak 11 kajian seperti di **Jadual 1** telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara membabitkan KKM bagi tahun 2015 sehingga 2018. Hasil analisis terhadap penemuan audit mendapati terdapat kelemahan tadbir urus yang membuka ruang kepada ketidakpatuhan peraturan oleh warga KKM terutamanya melibatkan pelbagai projek pembangunan di KKM. Sehubungan itu, KKM perlu mempergiatkan usaha pemantauan dan penyeliaan agar kelemahan tadbir urus yang dikenalpasti melalui LKAN dapat dikurangkan dan memastikan proses kerja teratur mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	Kajian
LKAN 2015 Siri 1	Pengurusan Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Di Hospital.
LKAN 2015 Siri 1	Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan.
LKAN 2015 Siri 1	Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik.
LKAN 2015 Siri 2	Pengurusan Pembekalan Ubat Di Klinik Kesihatan.
LKAN 2015 Siri 2	Pengurusan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti ( <i>Facilities Engineering Maintenance Services- FEMS</i> ).
LKAN 2016 Siri 1	Projek Pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor.
LKAN 2016 Siri 1	Projek Pembinaan Hospital Bera, Pahang.
LKAN 2017 Siri 1	Projek Pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka.
LKAN 2017 Siri 2	Pengurusan Skim Pesakit Bayar Penuh.
LKAN 2018 Siri 1	Pengurusan Aktiviti Kecemasan.
LKAN 2018 Siri 2	<i>Clinical Research</i> Malaysia.

**Jadual 1 : Senarai Kajian Yang Melibatkan KKM Dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bagi Tahun 2015 Sehingga 2018.**

# STATISTIK ADUAN INTEGRITI


Garis Panduan Pengurusan Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Versi 1/2020 telah menetapkan supaya maklum balas melibatkan isu integriti iaitu salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi diuruskan oleh Unit Integriti. **Carta 7** menunjukkan perincian maklumat aduan integriti KKM yang diterima oleh Unit Integriti bagi tahun 2017 sehingga November 2020.



**Carta 7: Statistik Aduan Integriti KKM.**

Bagi tempoh 2017 sehingga November 2020, sebanyak 754 maklumat telah diterima oleh Unit Integriti melibatkan isu integriti. Daripada jumlah tersebut sebanyak 628 maklumat (83.29%) telah disiasat bagi menentukan kesahihan maklumat yang dikemukakan. Manakala sebanyak 106 maklumat (14.06%) dikategorikan sebagai tiada tindakan lanjut kerana maklumat yang dikemukakan tidak mencukupi untuk pihak KKM melakukan siasatan/tindakan. Manakala sebanyak 20 maklumat (2.65%) yang diterima adalah melibatkan pertanyaan berhubung isu integriti.

Daripada 628 maklumat yang disiasat kesahihannya, sebanyak 198 maklumat (31.52%) adalah berasas manakala 394 maklumat (62.74%) adalah tidak berasas. Manakala sebanyak 36 maklumat (5.73%) masih dalam tindakan siasatan. **Carta 8** menunjukkan maklumat hasil siasatan aduan integriti yang telah dijalankan bagi tahun 2017 sehingga November 2020.




**Carta 8: Statistik Hasil Siasatan Aduan Integriti KKM.**




# STATISTIK KES TATATERTIB

Statistik kes tatatertib bagi tahun 2017 sehingga 2020 menunjukkan bahawa kes tatatertib yang tertinggi dilaporkan di KKM adalah melibatkan kesalahan tidak hadir bertugas. **Carta 9** dan **Carta 10** menunjukkan perincian lanjut berhubung kes tatatertib di KKM bagi tahun 2017 sehingga tahun 2020.



**Carta 9: Statistik Kes Tatatertib Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2020.**



**Carta 10: Statistik Kes Tatatertib Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Perkhidmatan.**

# BAB 3 MEMPERKASA USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



*"Dia (penjawat awam) tak perlu menawarkan sokongan atau imbuhan untuk mendapatkan sokongan yang masih belum terjamin dengan kesetiaan. Begitu juga dia tidak perlu melakukan ugutan atau ancaman untuk membina kekuatan diri, kerana kekuatan yang diperolehi dengan cara sedemikian, teramat rapuh sifatnya."*

**DYMM Paduka Seri Dr. Nazrin Muizzudin Shah Ibni  
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah  
Al- Maghfurlah  
Timbalan Yang Dipertuan Agong**

*(Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah  
Jawatan Menteri Besar Perak Ke-14 pada  
10 Disember 2020)*





Toleransi sifar terhadap rasuah dalam perkhidmatan kesihatan.

## VISI



Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang kompeten dengan elemen akauntabiliti dan profesional.

## MISI



- Mengurangkan aduan berkaitan integriti, siasatan dan pelaporan pelanggaran tatakelakuan.

- Mempertingkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan dan dasar yang berkuatkuasa.

- Mewujudkan warga kerja KKM yang kompeten dan berakauntabiliti.

## MATLAMAT



- Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan KKM.

- Memantapkan kemampuan kewangan termasuk ketelusan dalam aspek perolehan.

- Memperkasakan akauntabiliti penguatkuasaan KKM.

- Menerapkan tadbir urus baik dalam badan berkanun dan entiti korporat di KKM.

## STRATEGI



- Pengurusan
- Kewangan
- Penguatkuasaan
- Tadbir Urus Korporat

## BIDANG KEUTAMAAN

## KERANGKA PELAN TINDAKAN ANTI RASUAH


# 4 STRATEGI



**MEMPERKUKUH**  
KECEKAPAN  
PENYAMPAIAN  
PERKHIDMATAN  
KKM.



**MEMANTAPKAN**  
KECEKAPAN  
PENGURUSAN  
KEWANGAN  
TERMASUK  
KETELUSAN DALAM  
ASPEK PEROLEHAN.



**MEMPERKASAKAN**  
AKAUNTABILITI  
PENGUATKUASAAN  
KKM.



**MENERAPKAN**  
TADBIR URUS BAIK  
DALAM BADAN  
BERKANUN DAN  
ENTITI KORPORAT  
KKM.

# KERANGKA PELAN TINDAKAN ANTI RASUAH





## BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN

### STRATEGI 1: MEMPERKUKUKKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KKM.

#### Objektif Strategik 1.1: Memperkasa Akauntabiliti Dalam Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan.

No.	Inisiatif	Bahagian Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1	<p>Pemantapan dan pembudayaan nilai integriti pegawai melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemerkasaan program dan aktiviti berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah; dan</li> <li>ii. Tindakan punitif yang lebih efektif.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Unit Integriti. Bahagian</li> <li>ii. Pembangunan Kompetensi.</li> <li>iii. Bahagian Pengurusan Latihan.</li> </ul>	Berterusan
1.1.2	Meneliti dan menambahbaik garis panduan pelaksanaan penempatan dan pertukaran di KKM.	Bahagian Sumber Manusia	3 tahun (2021-2023)
1.1.3	Memantapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pemantauan kehadiran pegawai berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 dan Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004.	Unit Integriti	2 tahun (2021-2022)
1.1.4	Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi proses permohonan kerja luar dengan mewujudkan sistem permohonan kebenaran kerja luar secara dalam talian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian Khidmat Pengurusan.</li> <li>ii. Bahagian Pengurusan Maklumat.</li> </ul>	2 tahun (2021-2022)

# BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN

## STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KKM.

### Objektif Strategik 1.1:

### Memperkasa Akauntabiliti Dalam Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan.

